



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 9. BILANGAN 15.

RABU 5 OGOS, 1964.

رابعو 27 ربيع الاول 1384

PERCHUMA

D.Y.M.M. Menyeru Ra'ayat Brunei

SUPAYA MEMELIHARA KEAMANAN
DAN KESELAMATAN NEGARA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah menyeru kepada seluruh lapisan ra'ayat di-negeri ini supaya menyediakan diri dalam segala bidang untuk memikul tanggung jawab bagi pertahanan dan pembangunan negara.

Baginda menegaskan bahawa ada-lah menjadi tanggung jawab ra'ayat untuk mengekal dan memelihara keamanan dan keselamatan yang berpuncha dari apa jua jenis ancaman dan pencherobohan yang akan merosakkan nama baik negara.

WAKIL2 BRUNEI KA-P. P. UNDANG2

BERAKAS. — Penolong Pena-schat Undang2 Negeri Brunei, Awang Isa bin Dato Haji Ibrahim telah berlepas dari Brunei ka-Singapura dengan kapal terbang pada petang 17 Julai, 1964 untuk menghadiri Persidangan Daerah Mengenai Pelajaran Undang2.

Sa-orang lagi Wakil dari Negeri Brunei ka-Persidangan tersebut, ia-itu Timbalan Penda'awa Raya, Awang Ram Kishan telah berangkat ka-Singapura dengan kapal terbang terdahulu dari Awang Isa.

Persidangan tersebut telah diadakan di-bangunan Universiti Singapura dan di-hadiri oleh perwakilan dari beberapa buah negeri di-Asia Tenggara.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Negeri Brunei dan Hong Kong telah di-terima menjadi ahli2 Persatuan Guru2 dan Sekolah2 Undang2 di-Teng-gara Asia dalam kongres tersebut.

Penasehat P. R. Tiba

BANDAR BRUNEI. — Awang R.A. Wilkinson yang telah di-lantek oleh Kerajaan Brunei sebagai Penasehat Pilehan2 Raya, telah tiba di-Brunei dari Kenya baharu2 ini.

Beliau ia-lah sa-orang bekas Pegawai Pentadbir Kenya dan juga telah berkhidmat sebagai Penguasa Pilehan2 Raya Kenya pada masa di-adakan Pilehan2 Raya Kenya dalam ahun lepas.

Tuhan Yang Maha Asa.

Terlebeh dahulu telah di-adakan satu perarakan sechara besar2an bagi menyambut Maulud Nabi Muhammad s.a.w. mengelilingi Bandar Brunei pada petang tersebut.


Turut mengambil bahagian dalam perarakan tersebut ia-lah Pancharagam Askar Melayu Brunei dan anggota2 Askar Melayu Brunei.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Pengerusi Sambutan Maulud Daerah Brunei/

Muara, Yang Mulia Awang Ali bin Awang Besar; Mufti Kerajaan Brunei, Sahibul Fadhi-lah Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz dan Pengerusi Sambutan Maulud Sa-Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Peng. Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam peraduan perarakan tersebut.

Temasha perarakan tersebut (Lihat Muka 8)



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kelihatan dalam gambar ini pada masa ketibaan Baginda di-majlis sambutan Maulud yang telah di-adakan di-pekarangan Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada petang 22 Julai, 1964.

2,000 ORANG BANJIRI PADANG K.B.R.C. MERAYAKAN SAMBUTAN MAULUD NABI

KUALA BELAIT. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah berchemar duli menemui penduduk2 di-Daerah Belait di-sini sambil menyaksikan sambutan Hari Keputeraan Nabi Besar kita Muhammad s.a.w. pada 2 Ogos lepas.

Penduduk2 Belait telah mera'ikan baginda dalam satu jamuan makan tengah hari sa-bagai tanda keshukoran atas keselamatan ketibaan kembali ka-tanah ayer dari lawatan baginda mengelilingi dunia sa-lama dua bulan, baharu2 ini.

Jamuan itu telah di-adakan di-kawasan rumah Pegawai Daerah Belait di-sini.

Pada sa-belah petang-nya pula satu jamuan minum teh dari Pegawai2 Kerajaan Daerah Be-

lait telah juga di-adakan, untuk mengalu2kan lawatan baginda dan sa-bagai tanda keshukoran juga.

Dalam menjawab ucapan2 yang telah di-sampaikan oleh wakil2 penduduk2 dan pegawai2 kerajaan, baginda bertitah, bahawa baginda sangat2 bangga dan terharu akan ta'at setia yang berkekalan yang di-berikan terhadap baginda dan kerajaan baginda.

Antara lain baginda memberitahu penduduk2 bahawa baginda telah menerima beberapa buah buku perkembangan yang di-berikan oleh sahabat2 baginda.

Baginda bertitah, mana2 yang mustahak dan sesuai dalam buku2 itu akan baginda hadapkan kepada kerajaan untuk di-pertimbangkan bagi kemajuan negara kita.

Dalam sambutan Maulud Nabi, kira2 2,000 orang telah membunjiri padang K.B.R.C. untuk mendengarkan sharahan2 dan bachaan kitab suci Al-Koran.

Duli Yang Maha Mulia juga telah bertitah dalam upacara tersebut.

Sa-belum itu sa-banyak 31 pasukan termasuk ramai kaum wanita yang terdiri dari murid2 sekolah, pegawai2 kerajaan, dan orang2 kampung telah berarak mengelilingi Pekan Kuala Belait.

Perarakan itu telah di-dahului oleh Pasokan Pancharagam Askar Melayu Brunei dan pada barisan penghabisan di-ikuti oleh pasukan hadrah.

Majlis sambutan tersebut telah di-akhiri dengan upacara menyampaikan hadiah kepada pasukan2 yang menang dalam perarakan itu.

PERADUAN BACHA'AN AL-KORAN DAN SHARAHAN SEKOLAH2 SA-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud telah menyeru kepada ibu bapa murid2 supaya sentiasa memberi kerjasama kepada semua golongan guru2 di-negeri ini dalam menjalankan tugas mereka untuk kemajuan negara.

Setiap kemajuan, kata beliau, tidak akan tercapai melainkan dengan kerjasama dalam sa-tiap lapisan yang berkenaan.

Beliau telah membuat seruan tersebut ketika merasmikan pembukaan Peraduan Bacha'an Al-Koran Al-Karim dan Sharahan antara murid2 Sekolah2 U gama seluruh Negeri Brunei di-pekaran Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam 25 Julai yang lalu.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali telah memberikan tahniah dalam ucapan beliau tersebut kepada Pengetua, Pegawai Hal Ehwal U gama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, kerana dengan pimpinan Yang Amat Mulia itu, maka perkembangan U gama Islam di-Negeri Brunei telah bertambah2 maju dari sa-tahun ka-satahuan.

Penyusun dan Pengelola Sekolah2 U gama Sa-Negeri Brunei, selaku Pengerusi Jawatan Kuasa Peraduan2 tersebut, Awang Haji Abdul Kadir bin Haji Othman, dalam kata2 sambutan beliau telah menyatakan tujuan2 utama bagi mengadakan peraduan2 tersebut.

Awang Haji Abdul Kadir berkata dalam ucapan beliau di-majlis itu bahawa peraduan2 tersebut di-adakan semata2 untuk menggalakkan murid2 supaya chenderong mempelajari secharamendalam Bacha'an Al-Koran Al-Karim dan memberi sharahan di-khalayak ramai.

Tujuan di-adakan Peraduan

Sambutan Maulud Sekolah2 Di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Melayu, U gama dan Inggeris di-Bandar Brunei telah menyambut hari lahir-nya Junjongan Kita Nabi Muhammad s.a.w. dengan mengadakan Peraduan Sharahan bertempat di-bangunan sementara Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei pada petang 24 Julai, 1964.

Keputusan peraduan tersebut adalah seperti berikut:

BAHAGIAN MURID2 LELAKI: Johan — Awang Mahmud Morsidi bin Othman dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin. Naib Johan — Awang Jumat bin Idris dari Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam. Pemenang Ketiga — Awang Mohamed Taib bin Yahya dari Sekolah U gama S.M.J.A. dan Pemenang Ke-empat — Awang Mohammad bin Haji Ismail dari Sekolah U gama S.O.A.S.

Membacha Kitab Suchi Al-Koran dan Sharahan kepada murid2 Sekolah U gama ini, bukan-lah semata2 bertujuan hendak melagakan jiwa murid2 untuk menjadi satu kemegahan di-lapangan

yang tersebut kata beliau, bahkan ia-lah untuk memperkembangkan dan menggalakkan murid2 supaya menjadi kechenderongan hati murid2 itu lebeh2 giat lagi untuk mempelajari bacha'an Al-Koran dengan sa-baik2 bacha'an dan memahirkan lidah pada memberi sharahan2 yang memberi faedah kepada masyarakat di-dalam lapangan kebajikan.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 peraduan2 tersebut.

Keputusan Peraduan2 Bacha'an Al-Koran Dan Sharahan

BANDAR BRUNEI. — Peraduan2 Bacha'an Al-Koran Al-Karim dan Sharahan antara murid2 Sekolah2 U gama seluruh Negeri Brunei telah di-langsungkan pada julong2 kali di-Negeri Brunei bertempat di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam 25 Julai, 1964.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 peraduan2 tersebut.

PERADUAN

BACHA'AN AL-KORAN

MURID2 LELAKI: Awang Wasli bin Haji Bakar dari Sekolah U gama Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Naib Johan — Awang Asmat bin Tuah dari Sekolah U gama Sultan Omar Ali Saifuddin, Muara. Pemenang Ketiga — Awang Zulkifli bin Md. Salleh dari Sekolah U gama Berakas.

MURID2 PEREMPUAN: Johan — Dayang Fatimah binti Simpol dari Sekolah U gama Muda Hashim, Tutong. Naib Johan — Dayang Norlia binti Haji Abdul Rahim dari Sekolah U gama Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei. Pemenang Ketiga — Dayang Lasta Masta binti Abdullah dari

Sekolah U gama Panchor Murai, Ulu Sungai Brunei.

PERADUAN SHARAHAN

MURID2 LELAKI: Johan — Awang Mohammad bin Haji Wasli dari Sekolah U gama Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Naib Johan — Awang Alwi bin Awang Tengah dari Sekolah U gama Muhammad Alam, Seria. Pemenang Ketiga — Awang Juned bin Bakar dari Sekolah U gama Batu Apoi, Temburong.

MURID2 PEREMPUAN: Johan — Dayang Saliah binti Haji S.A. Ahmad dari Sekolah U gama Muhammad Alam, Seria. Naib Johan — Dayang Mastura binti Mohsin dari Sekolah U gama, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei. Pemenang Ketiga — Dayang Azizah binti Abdul Jalil dari Sekolah U gama Berakas.

Pendaftaran Murid2 Baharu

PINTU MALIM. — Ibu-bapa2 dan penjaga2 murid2 yang berhajat hendak menghantarkan anak2 mereka belajar di-Sekolah Melayu Pintu Malim pada tahun 1965, ada-lah di-peringatkan bahawa pendaftaran murid2 baharu sekolah tersebut akan di-tutup pada 15 Ogos, 1964.

Murid2 baharu itu hendak-lah berumur tidak kurang dari 6 tahun.

Mereka boleh-lah mendaftarkan nama anak2 mereka dan sebagai-nya dengan Guru Besar Sekolah Melayu Pintu Malim, atau pun dengan Ketua2 Kampong Tamoi, Kampong2 Pandai Besi "A" dan "B", Kampong Burong Pingai, Kampong Pengiran Tajuddin Hitam dan Ketua2 Kampong2 yang berdekatan dengan Sekolah Melayu Pintu Malim.

Ka-Jesselton

BERAKAS. — Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Awang Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar telah berlepas ka-Jesselton dengan kapal terbang pada tengah hari 16 Julai.

Tujuan lawatan beliau ka-Jesselton ia-lah atas jemputan Asia Foundation untuk menerima buku2 yang di-hadiahkan oleh badan itu bagi kegunaan Perpustakaan Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Beliau telah balek ka-Brunei pada petang hari Sabtu 18 Julai.



Betapakah gembira-nya murid2 yang memegang piala2 perak yang besar dalam gambar ini. Mereka bergembira kerana mereka telah berjaya menjadi Johan dalam Peraduan Bacha'an Al-Koran Al-Karim dan Peraduan Sharahan antara murid2 seluruh Negeri Brunei di-Masjid Omar Ali Saifuddin pada malam 25 Julai, 1964.

M. P. M. B. AKAN KEKAL SA-LAGI BRUNEI BERKEHENDAKKAN GURU2

BANDAR BRUNEI. — Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah memberi jaminan bahawa Maktab Perguruan Melayu Brunei akan di-teruskan untuk kepentingan pelajaran.

Dalam satu cheramah di-maktab itu pada pagi 16 Julai, 1964, Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf berkata bahawa sa-lagi Brunei berkehendakkan guru2, maka Maktab Perguruan Melayu Brunei akan kekal di-gunakan.

Dalam cheramah itu, beliau telah juga menerangkan chara2 pertadbiran Kerajaan.

Majlis itu di-pengerusikan oleh Pengetua, Maktab Perguruan Me-

layu Brunei, Awang Othman bin Bidin. Turut hadir di-majlis itu ialah Pensharah2 maktab tersebut.

Sa-lepas sharahan beliau itu, beberapa orang penuntut Maktab tersebut telah mengemukakan so'alan2.

Y.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf telah menjawab so'alan2 itu.

Pegawai2 Baharu Asterawani

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei telah mengadakan Mashuarat Agong Ulangtahn-nya bertempat di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamal Alam, Bandar Brunei pada hari Juma'at 17 Julai, 1964.

Ramai ahli2 Asterawani telah hadir di-majlis tersebut. Mashuarat itu telah di-pengerusikan oleh Awang Zaidi Mohamed Taha.

Pegawai2 Tertinggi Persatuan Asterawani untuk tahun 1964/1965 yang telah di-lantek dalam mashuarat tersebut ia-lah seperti berikut :

Yang Dipertua : Awang Mohamed Zain bin Haji Serudin. Naib Yang Dipertua: Awang Abdul Samad bin Abdul Kahar. Setia Usaha: Awang Ahmad Husain. Penolong Setia Usaha: Awang Mohamed Diah bin Abu Bakar. Bendahari: Awang Mohamed Abdul Latif. Penolong Bendahari: Awang Md. Ali Ibrahim. Pemeriksa Kira2: Awang Ahmad Sulaiman dan Awangku Mahmud bin Pengiran Damit.

Ketua2 Seksi2 : Persuratan — Awg. Muslim Burnat. Drama — Awang Abdul Ghafar. Sosial — Awang Liman Ahmad. Kebudayaan — Awang Azahari Haji Apang. Sokan — Awang Zaidi Md. Taha.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Persatuan Asterawani akan mengadakan Peraduan Bahath terbuka kepada Persatuan2, Sekolah2 dan Maktab2 Sa-Negeri Brunei.

Persatuan2, Sekolah2 dan Maktab2 yang ingin mengambil bahagian dalam Peraduan Bahath tersebut di-minta berhubung dengan Setia Usaha Persatuan Asterawani, Awang Ahmad Husain, d/a Peti Surat 434, Bandar Brunei tidak lewat dari 31 Ogos, 1964.



Lihat-lah bagaimana chergas-nya anggota2 Pasokan Angkatan Polis Brunei berbaris pada masa di-adakan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-Bandar Brunei pada petang 22 Julai. Pasokan Angkatan Polis Brunei telah mendapat gelaran yang pertama dalam peraduan perarakan berjalan kaki antara Pejabat2, Persatuan2 dan Maktab Perguruan Melayu Brunei.

PERARAKAN MAULUD

BANDAR BRUNEI.—Kira2 2,000 orang terdiri dari 52 pasokan2 orang2 dewasa lelaki dan perempuan, kampung2, Maktab Perguruan Melayu Brunei, murid2 lelaki dan perempuan Sekolah2 Melayu dan Ugama, Pejabat2 dan Persatuan2 telah mengambil bahagian dalam perarakan berjalan kaki bagi menyambut Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-Bandar Brunei pada petang 22 Julai, 1964.

Hadiah2 kepada pemenang2 dalam peraduan perarakan tersebut telah disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan keputusan-nya ada-lah seperti di-bawah ini:

BAHAGIAN ORANG2 DEWASA PEREMPUAN: 1. Pasokan Jabatan Pelajaran, Bandar Brunei dan 2. Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Hanya kedua2 pasokan itu sahaja yang mengambil bahagian.

MURID2 SEKOLAH BAHAGIAN PEREMPUAN: 1. Pasokan Sekolah Ugama Tinggi Perempuan Raja Isteri. 2. Pasokan Sekolah Melayu Menengah SMJA. dan 3. Pasokan Sekolah Ugama Perempuan Raja Isteri Fatimah.

MURID2 SEKOLAH LELAKI: 1. Pasokan MAKTAB SOAS. 2. Pasokan Asrama SOAS, dan 3. Pasokan Sekolah Ugama SMJA.

BAHAGIAN PEJABAT2, PERSATUAN2 DAN MAKTAB PERGURUAN: 1. Angkatan Polis Brunei. 2. Jabatan Bomba, Brunei, dan 3. Maktab Perguruan Melayu Brunei Bahagian 'A'.

BAHAGIAN KAMPONG2: 1. Pasokan Kampung Sungai Kedayan 'A'. 2. Pasokan Kampung Bunut, dan 3. Pasokan Kampung Ujong Tanjung, Brunei.

PAKAJIAN BAHAGIAN SEKOLAH2: Bahagian Lelaki di-menangi oleh Pasokan Maktab SOAS dan Bahagian Perempuan di-menangi oleh Pasokan Sekolah Ugama Tinggi Perempuan Raja Isteri.



Gambar ramai ahli2 Pasokan Kampung Sungai Kedayan "A" yang telah mengambil bahagian dalam perarakan berjalan kaki bagi menyambut Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-Bandar Brunei baharu2 ini. Pasokan Kampung Sungai Kedayan "A" telah menjadi johan dalam Bahagian Kampung2.

Awang Lee Dapat Gelaran "Elvis Presley Brunei"

BANDAR BRUNEI.—Awang Peter Lee dari Sekolah Saint Andrew's, Bandar Brunei telah di-beri gelaran "Elvis Presley Negeri Brunei" sa-telah ia berjaya menjadi johan menyanyi meniru nyanyian dan tingkah laku Elvis Presley, ia-itu sa-orang seniman bangsa Amerikan yang terkenal.

Peraduan tersebut telah di-adakan di-Pangpong Boon Pang Baharu di-sini baharu2 ini.

Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Ali bin Awang Besar telah

menyampaikan hadiah2 kepada penyanyi2 yang berjaya dalam peraduan tersebut.

Keputusan peraduan menyanyi itu ia-lah: 1. Peter Lee dari Sekolah St. Andrew's, Bandar Brunei. 2. Aw-Hussain Haji Tuah dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin. 3. Awang M. N. Alizah dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin. Hadiah2 saguhati: Awang Subash Mathews, Awang A. Ahmad Tuah dan Awang Suresh Mathews.

Kesatuan Pemuda Pemudi Kampung Sungai Kedayan Di-Tubuhkan

KAMPONG SUNGAI KEDAYAN. — Sa-buah lagi Kesatuan Belia telah di-tubuhkan dengan rasmi-nya di-Kampung Ayer, Brunei baharu2 ini. Kesatuan itu ia-lah Kesatuan Pemuda Pemudi Kampung Sungai Kedayan.

BAHASA RASMI kesatuan tersebut ia-lah BAHASA MELAYU.

Kesatuan tersebut telah mengadakan Mashuarat Agong-nya pada 23 Julai, 1964 dengan di-pengerusikan oleh Awang Abdul Latif Hamid.

Pegawai2 baharu Kesatuan Pemuda Pemudi Kampung Sungai Kedayan yang telah di-lantek dalam mashuarat tersebut ia-lah seperti di-bawah ini:

Penaong: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksemana Dato Setia Awang Haji Mohamed Taha. Penasehat2: Yang

Berhormat Awang Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar dan Yang Berhormat Pehin Maharaja Diraja Awang Haji Abdul Rahman.

Yang Dipertua: Awang Md. Yassin bin Awang Sa'id. Naib Yang Dipertua: Dayang Timbang binti Awang Besar. Setia Usaha Kehormat: Awang Md. Taib Sulaiman. Penolong Setia Usaha Kehormat: Dayang Lati-fah binti Awang Haji Ya'akob. Bendahari: Dayang Qadariah binti Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar. Penolong Bendahari: Awang Raihan bin Awg. Mohammad, S. U. Pene-

rangang: Awang Ashari bin Awg. Haji Md. Salleh.

Ahli2 Jawatan Kuasa: Awang Puteh bin Awang Jukin. Awang Haji Md. Taha bin Haji Mohammad Salleh. Dayang Nisbah binti Awang Mokhsin dan Dayang Jamilah binti Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar.

Di-antara tujuan2 Kesatuan tersebut ia-lah: Meningkatkan mutu dan memperlindungi kebajikan pemuda pemudi di-Kampung Sungai Kedayan, Brunei dan menggalakkan persahabatan yang rapat dan bersafahaman di-antara badan2 kesatuan2 pemuda pemudi yang lain2.

Yuran bulanan ahli2 biasa kesatuan tersebut ia-lah tiga puluh sen.

Semua pemuda-pemudi dalam Negeri Brunei boleh-lah menjadi Ahli2 Kehormat Kesatuan Pemuda Pemudi Kampung Sungai Kedayan. Sa-barang bayaran bulanan tidak-lah akan dikenakan kepada Ahli2 Kehormat itu. Akan tetapi, mereka tidak-lah berhak mengundi.

Kebudayaan Sa-pintas Lalu XII:

BERMALAM DI-RUMAH BAKAL SUAMI BAKAL ISTERI-NYA

(Sambongan)

SA-TIAP orang Puak Belait akan mengadakan istiadat berjarum2 atau membuka mulut, tentu-nya ada membawa bersama2-nya sama ada sa-biji chelapa atau beras.

Chelapa atau beras itu di-tinggalkan kepada pehak perempuan apabila peminangan di-terima, dan ini di-gelarkan "pembuka mulut."

Tetapi chelapa atau beras itu terpaksa di-bawa pulang andai-nya hajat maksud itu hampa.

"Pembuka mulut" itu juga akan di-kembalikan oleh pehak perempuan kepada pehak lelaki sa-kira-nya pehak perempuan di-dapati engkar atau membatalkan pertunangan mereka itu.

Kemudian dari itu, selang beberapa hari atau minggu ia-itu bila2 masa yang di-per-setujui oleh kedua2 pehak, baharu-lah di-lakukan istiadat "bertunang".

Dalam istiadat bertunang ini pula pehak lelaki menghantar satu rombongan beramai2 datang ka-rumah pehak perempuan sa-bagai utusan rasmi dari pehak lelaki untuk mengesahkan pertunangan kedua teruna dan dara itu sa-chara terbuka.

PERTUNANGAN

Rombongan pehak lelaki ini ada membawa barang2 untuk di-serahkan kepada pehak perempuan. Barang2 ini digelar "pertunangan".

Barang2 itu ada-lah terdiri dari sa-bentuk chinchin dan sa-pengadok pakaian (kain baju).

Dalam sa'at menjalankan istiadat ini-lah antara kedua2 pehak menentukan hari perkahwinan kedua bakal pengantin itu.

Sayugia di-chatatkan di-sini, dalam tempoh bertunang ini tunang perempuan (lelaki) itu di-benarkan berjumpa atau berkunjong datang ka-rumah bakal isteri-nya. Malahan bakal suami itu telah teradat supaya memberi sa-barang bantuan atas apa jua kerja2 yang mungkin di-buat oleh bakal bapa mertua-nya itu.

Kerja2 itu ia-lah saperti menebas untuk ladang padi, (merumput), menuai (menge-tam) dan sa-bagai-nya.

Andai-nya bakal suami itu hendak bermalam di-rumah bakal isteri-nya buat sa-malam

dua, maka boleh-lah juga ia berbuat demikian dalam tempoh bertunang itu. Namun demikian supan santun dan batas pergaulan tetap terpelihara.

Dalam istiadat "balek tiga hari" bagi Puak Belait Asli yang tinggal di-Bukit Sawat pula ada sa-dikit berlainan dari Puak Belait yang tinggal di-Kuala Belait.

[Dalam istiadat2 yang saya telah tulis dalam keluaran2 belum lama dahulu itu ia-lah kebanyakan-nya yang terdapat antara Puak Belait di-Kuala Belait].

Sa-masa istiadat balek tiga hari di-lakukan kedua2 suami isteri itu hendak-lah melalui tempat2 yang terdapat kayu ara dan nibong dalam perjalanan balek ka-rumah pengantin lelaki.

Kedua2 pengantin itu di-beri

sa-bilah parang sa-orang, dan apabila sampai ka-tempat kayu ara dan nibong tadi kedua2-nya hendak-lah menetak kayu2 itu.

Konon-nya kedua2 kayu ini menurut kepercayaan Puak Belait Asli ada-lah tempat hantu-shaitan bersembunyi. Dengan menyentuhkan besi kepada kayu2 itu maka hantu2 dan shaitan yang ada di-sana akan lari atau nescaya takut-lah kepada mereka, dan akan terpelihara-lah kedua pengantin itu dari mala petaka bencana hantu-shaitan itu.

Ini konon-nya ada-lah juga untuk membuang sial dan menjaga keselamatan antara kedua pehak.

Apabila sahaja kedua pengantin baharu itu sampai ka-rumah pehak lelaki maka emak pengantin lelaki pun memberikan kepada pengantin perempuan sa-biji "tumpang" dan sa-pengadok pakaian yang di-namakan "persalinan".

MANDI

Dengan benda2 itu mereka di-suruh ka-telaga (kolam) atau sungai untuk mandi. Waktu ini mereka ada juga ditemani oleh beberapa orang yang terdiri dari keluarga belaka.

Pakaian yang di-berikan itu tadi ia-lah untuk persalinan dan hendak-lah di-pakai sa-belum datang kembali ka-rumah pehak lelaki sa-lepas mandi itu.

Akan tumpang itu pula hendak-lah di-bawa balek juga oleh pengantin perempuan

penoh dengan ayer, dan apabila datang ka-rumah nanti akan di-tuang-nya sendiri ka-dalam sa-biji tajau yang di-sediakan oleh emak mertua-nya.

PENGANTIN

Apabila sampai sahaja ka-rumah maka emak mertua pengantin perempuan itu pun bersedia di-tepi tajau itu untuk menyaksikan pengantin itu menuang ayer. Biasa-nya ada juga di-saksikan oleh beberapa orang yang lain.

Ini ada-lah juga di-sifatkan sa-bagai salah satu istiadat rengkas; di-namakan mereka istiadat "menuang ayer ka-dalam tajau".

Tujuan utama istiadat ini konon-nya ia-lah sa-mata2 untuk emak mertua tadi dapat menyelam isi hati menantu

yang baharu itu sama ada hati menen u itu bulat2 kapada suami-nya atau tidak.

Ini dapat di-ketahui dari gerak-geri pengantin perempuan iu melakukan istiadat menuang ayer tadi. Kira-nya ayer yang di-tuang-nya dari tumpang itu tidak melilah ka-tempat lain maka itu-lah 'alamat baik tetapi sa-kira-nya ayer itu tadi berlelehan padah-nya menunjukkan hati perempuan itu tidak bulat kapada suami-nya.

Tetapi terdahulu dari istiadat menuang ayer tadi, istiadat membasoh kaki hendak-lah di-adakan sa-jurus sa-belum itu.

Sama ada sa-biji tempurong (dan ini di-buat chantek2 merupakan sa-olah2 sa-biji bati), sulang, gurinsing, kiri, atau upeh (sama ada dari pinang atau rumbia), yang juga di-buat khas merupakan sa-biji gayong, telah pun di-sediakan untuk menchedok ayer dalam istiadat tersebut.

Pengantin perempuan hendak-lah membasoh kaki suami-nya sa-belum naik ka-rumah dengan menggunakan barang itu untuk menchedok ayer.

Istiadat ini pula hanya-lah sa-bagai syarat sahaja.

Sa-bagaimana dalam istiadat menuang ayer tadi, pengantin perempuan itu hendak-lah juga berhati2 dalam menjalankan istiadat ini.

Ia hanya menuang ayer ka-atas kuku ibu jari sa-belah kanan suami-nya. Ini juga ada-lah di-saksikan oleh emak mertua-nya sama ada ayer itu

nanti akan berlelehan atau tidak.

Sa-elok2-nya ayer itu hendak-lah jangan memerchek ka-lain2 tempat kerana ini padah-nya juga menunjukkan hati perempuan itu ada-lah dengan sa-penoh-nya kapada suami-nya.

Demikian-lah menurut kepercayaan emak mertua itu tadi untuk menyelami lebah tepat hati menantu-nya terhadap suami-nya.

Sa-belum malam hari, sa-lepas itu kedua pengantin itu pun kembali-lah sa-mula ka-rumah pehak perempuan dengan di-iringi oleh kedua2 ibu bapa dan sanak saudara kedua pehak pengantin itu.

Sa-lepas dua atau tiga malam selang dari itu baharu-lah di-bolehkan kedua pengantin itu bermalam di-rumah pehak lelaki atau terlepas-lah mereka dari 'adat istiadat dan fatwa menurut kepercayaan Puak Belait Asli.

CHATITAN :

Telah teradat bagi Puak Belait Asli ia-itu perkakas yang di-gunakan dalam istiadat membasoh kaki itu ada-lah untuk di-hadiahkan terus kepada kedua suami-isteri yang baharu itu. Mengenai gayong tempurong itu pula, bahawa tempurong itu ada-lah di-ambil dari pokok kelapa yang khas. Pokok kelapa ini ia-lah antara pokok2 kelapa dari sa-buah ladang yang akan di-hadiahkan nanti. Bagitu juga hal-nya mengenai upeh pinang atau rumbia ada-lah di-ambil dari pokok2 pinang atau rumbia yang di-chadang untuk di-hadiahkan kepada kedua pengantin oleh orang tua pehak lelaki.

SHARAHAN2 UGAMA

BANDAR BRUNEI.—Jadual lawatan anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei ka-beberapa tempat di Negeri Brunei untuk memberi sharahan berkenaan dengan Ugama Islam dalam bulan ini ada-lah saperti di-bawah ini.

Hari Juma'at 7 Ogos: 11 pagi—12.30 tengah hari. Masjid Penanjong Tutong. 2 petang—4 petang. Kampong Serdang, Brunei.

Hari Juma'at 14 Ogos: 11 pagi—12.30 tengah hari. Masjid Pekan Tutong dan Masjid Labu, Temburong.

Hari Juma'at 21 Ogos: 2 petang—4 petang. Sekolah Melayu Kati Mahar, Batu 13 Jalan Tutong dan Kampong Lorong Sekuna, Brunei.

Hari Juma'at 28 Ogos: 11 pagi—12.30 tengah hari. Masjid Sungai Liang, Daerah Belait. 2 petang—4 petang. Sekolah Melayu Lambak, Berakas.

Kedua2 Pehak Pembahath Di-SMJA Dan SMAT Menang Mutu Bahath Sa-Makin Baik

DUA BUAH sekolah2 Melayu yang terbesar di-daerah2 Brunei dan Belait — Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA) dan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin (SMAT) — telah melang-bulan lepas.

Peraduan tersebut telah di-adakan sejak tahun 1960, atas tujuan untuk mendurong dan melateh penuntut2 supaya cekap berfikir dan berani mengeluarkan pendapat2 di-khalayak ramai.

PESTA MENARI DERMA-BAKTI

SERIA.—Satu Pesta Tari Menari kerana mengutip derma bagi mengadakan beasiswa untuk kanak2 yang miskin di-sekolah2 dalam Negeri Brunei akan di-adakan di-Dewan Shell Recreation Club, Seria pada malam 15 Ogos, 1964, di-bawah anjoran Pertubuhan Jaycee Belait.

Sa-orang "Ratu Jaycee" akan "di-mahkotakan" di-temasha tersebut. Pemenang peraduan itu akan di-berikan tambang per-chuma pergi ka-Singapura dan balek ka-Brunei oleh Sharikat Penerbangan Malaysia. Pertubuhan Jaycee Belait pula akan menyediakan tempat tinggal dengan perchuma selama sa-minggu kepada bakal "Ratu Jaycee" itu.

Tiket masuk ia-lah \$2 untuk sa-orang. Pemegang "tiket yang bemasib baik" akan di-berikan tambang perchuma ka-Hong Kong dan balek ka-Brunei dengan ehsan Sharikat Penerbangan Cathay.

Bayaran untuk Buku Rancangan temasha tersebut ia-lah \$1 sa-naskhah. Pemegang "buku yang bertuah" akan di-berikan tambang perchuma pergi ka-Sandakan dan balek ka-Brunei dengan ehsan Sharikat Penerbangan Borneo.

Ini ada-lah sa-laras dengan tujuan penganjor peraduan tersebut, untuk menanam semangat berani menggunakan kebijakan dalam tindak-tandok bertikam



Johan dan naib johan bahath SMAT, Kuala Belait bergambar bersama2 dengan guru2 mereka. Dudok (johan) dari kiri: Ahmad bin Rashid, Awang bin Pawi, Dk. Minah bt. Pg. Said, dan Chegu Mohidin Abd. Ghani (guru darjah tahun 18). Berdiri (naib johan) dari, kiri: Chegu Ak. Tuah bin Pg. Apang (guru bahath dan sharahan), Abd. Rahim bin Abu Bakar, Aminah bt. Omar, dan Ghazali bin Ibrahim.

lidah demi menegakkan keperchayaan masing2 atas sa-suatu yang di-perchayai baik.

Biar-lah semangat bebas berfikir itu tertanam di-j jiwa sa-saorang penuntut sa-masa dalam pimpinan pelateh2 yang bijak dan berpengalaman, untuk menjamin masa depan mereka bagi melayakkan diri menjadi bakal

pemimpin masharakat yang sehat dan semporna.

Dalam peraduan2 bahath tersebut, tajok perbahathan bagi SMAT ia-lah "Kasehkan ibu pertiwi lebeh baik dari kasehkan ibu kandong sendiri", manakala SMJA membahathkan tentang "Pergaulan pemuda pemudi lebeh banyak mendatangkan keburokan daripada kebaikan".

Menilek dari hujjah2 yang telah di-kemukakan sama ada dari pehak penchadang mau pun dari pehak pembahath (pembangkang), nyata-lah sa-tiap peserta telah membentangkan dengan berani pendapat masing2 — masing2 mempertahankan

menentang isi tujuan tajok tersebut.

Antara hujjah2 yang di-kemukakan mereka telah di-tumpukan ka-araf bidang pembangunan negara yang aman ma'amor dan masharakat yang berkemajuan.

"Kalau kaum pemudi hanya di-beri peluang untuk merengkok di-cherok2 dapur dan tidak di-hantar ka-sekolah dan bergaul dengan kaum pemuda, bagai mana-kah mereka (pemudi) hendak mengubah chorak hidup kepada yang lebeh baik dan bermutu

"Sekarang ada-lah zaman serba baharu. Lambat mengubah chorak kehidupan kita, negara kita akan tertinggal dengan masharakat-nya yang maseh meraba2 untuk mengenal erti kemajuan", jelas pehak pembahath.

"Keburokan boleh dan pasti di-chehah dari berlaku, dengan ada-nya pengetahuan2 yang luas terutama sa-kali dalam hal keugamaan; dan dari pergaulan yang suci, mustahil menghasilkan keburokan", tegas pehak pembahath lagi.

Sa-belum itu pehak penchadang telah mengatakan hasil dari pergaulan antara pemuda dan pemudi lebeh banyak mendatangkan keburokan dari kebaikan.

Ada juga di-sebutkan kesah2 chemar dan keruntohan rumah tangga akibat dari pergaulan pemuda pemudi yang keterlaluan.

Kerontohan moral ada-lah juga menjadi sasaran pehak penchadang yang menyebabkan sa-tengah2 pemuda pemudi kita "di-chap" sa-bagai tidak bermoral dan menchemarkan maruah Islam yang maha suci.

Pada keseluruhan-nya kasemua peserta2 dari kedua2 buah seko'ah itu telah menunjukkan berbagai2 kemajuan baik dalam menggunakan bahasa dan mau pun dalam menekankan perkataan2 yang di-gunakan untuk menegakkan pendapat masing2.

Mutu perbahathan sa-makin bertambah tinggi sa-tahun demi sa-tahun.

WAKTU2 SEMBAHYANG, AMSAK DAN MATA-HARI TERBIT

Waktu2 sembahyang, asmak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 5 Ogos hingga ka-hari Selasa 18 Ogos, 1964 adalah saperti di-bawah ini:—

Hari		Matahari						
Bulan	Amsak	Suboh	Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	
5	4.43	4.57	6.16	12.30	3.48	6.40	7.51	
6	4.43	4.57	6.16	12.30	3.48	6.40	7.51	
7	4.43	4.57	6.16	12.30	3.48	6.40	7.51	
8	4.43	4.57	6.16	12.30	3.48	6.40	7.51	
9	4.43	4.57	6.16	12.30	3.48	6.39	7.50	
10	4.43	4.57	6.16	12.30	3.48	6.39	7.50	
11	4.43	4.57	6.16	12.30	3.48	6.39	7.50	
12	4.43	4.57	6.16	12.29	3.47	6.38	7.49	
13	4.43	4.57	6.16	12.29	3.47	6.38	7.49	
14	4.43	4.57	6.16	12.29	3.47	6.38	7.49	
15	4.43	4.57	6.16	12.29	3.47	6.38	7.49	
16	4.43	4.57	6.16	12.29	3.47	6.38	7.49	
17	4.43	4.57	6.16	12.29	3.47	6.37	7.48	
18	4.43	4.57	6.16	12.29	3.47	6.37	7.48	

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

BAKAL2 OPERATOR TALIPON BRUNEI

BERAKAS. — Enam orang gadis Melayu Brunei telah berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada petang 27 Julai untuk menjalani latehan mengenai chara2 bertugas sebagai operator talipon.

Mereka ia-lah Dayangku Juliana binti Pengiran Haji Abu Bakar, Dayang Fatimah binti Morni, Dayang Saidah binti Mohamed Said, Dayang Noriah binti Ibrahim, Dayang Masnah binti Abdul Hamid dan Dayang Nooraini binti Hussain.

Ini-lah julong2 kali Kerajaan Brunei menghantarkan pelateh2 wanita ka-luar negeri untuk berlateh sebagai operator talipon.

JADUAL PERLAWANAN SEPAK RAGA JARING MENYAMBUT HARI JADI D. Y. M. M.

Perlawanan Sepak Raga Jaring bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, di-bawah anjuran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, telah di-adakan di-Gelanggang Kelab Tennis Brunei di-Bandar Brunei mulai pada 31 Julai, 1964.

Jadual perlawanan2 Sepak Raga Jaring tersebut Pasokan2 "A" dan "B" pada 7, 8, 9, 13, 14, 15 dan 16 Ogos ada-lah seperti berikut :

PASOKAN "A"

PASOKAN	MELAWAN	PASOKAN	TARIKH	MASA	PENGADIL	PENJAGA TERAS	PENJAGA G. TEPI
SOAS	"	LETRIK	7 Ogos	4.30 ptg.	Abdullah M.	Wakil SPKS	Wakil AMB
SPKS	"	AMB	"	4.55 ptg.	Ak. Ahmad	" SOAS	" LETRIK
BAKTI	"	MPMB	"	5.20 ptg.	Cpl. Norshah	" SRJIP	" PERUBATAN
KUBU	"	PGGMB	"	5.45 ptg.	Cpl. Yusof	" BAKTI	" AMB
PERUBATAN	"	SRJIP	"	6.10 ptg.	Cpl. Alias	" KUBU	" PGGMB
BOMBA	"	AMB	8 Ogos	4.30 ptg.	Latif H.I.	Wakil PULIS	Wakil SOAS
PULIS	"	SOAS	"	4.55 ptg.	Sgt. A. Bakar	" BOMBA	" AMB
MPMB	"	SRJIP	"	5.20 ptg.	Ak. Daud	" KUBU	" SPKS
KUBU	"	SPKS	"	5.45 ptg.	Ak. Ahmad	" MPMB	" SRJIP
BAKTI	"	BOMBA	9 Ogos	4.30 ptg.	Cpl. Norshah	Wakil PULIS	Wakil PERUBATAN
PERUBATAN	"	PULIS	"	4.55 ptg.	Cpl. Alias	" BAKTI	" BOMBA
LETRIK	"	AMB	"	5.20 ptg.	A. Salam	" SOAS	" SRJIP
PGGMB	"	MPMB	"	5.45 ptg.	Abdullah M.	" LETRIK	" AMB
SOAS	"	SRJIP	"	6.10 ptg.	Cpl. Yusof	" PGGMB	" MPMB
KUBU	"	BOMBA	13 Ogos	4.30 ptg.	Latif H.I.	Wakil PULIS	Wakil LETRIK
PULIS	"	LETRIK	"	4.55 ptg.	A. Salam	" KUBU	" BOMBA
SPKS	"	PERUBATAN	"	5.20 ptg.	Ak. Damit	" BAKTI	" SRJIP
BAKTI	"	SRJIP	"	5.45 ptg.	Cpl. Norshah	" SRJIP	" PERUBATAN
PGGMB	"	AMB	14 Ogos	4.30 ptg.	Abdullah M.	Wakil SOAS	Wakil BOMBA
SOAS	"	BOMBA	"	4.55 ptg.	Pgn. Md. Badar	" PGGMB	" AMB
MPMB	"	PULIS	"	5.20 ptg.	Cpl. Yusof	" SPKS	" LETRIK
KUBU	"	SRJIP	"	5.45 ptg.	Ak. Ahmad	" MPMB	" PULIS
SPKS	"	LETRIK	"	6.10 ptg.	Cpl. Alias	" KUBU	" SRJIP
BAKTI	"	SOAS	15 Ogos	4.30 ptg.	Latif H.I.	Wakil PGGMB	Wakil BOMBA
PGGMB	"	BOMBA	"	4.55 ptg.	A. Salam	" BAKTI	" SOAS
PERUBATAN	"	KUBU	"	5.20 ptg.	Cpl. Alias	" SRJIP	" AMB
AMB	"	SRJIP	"	5.45 ptg.	Ak. Ahmad	" KUBU	" PERUBATAN
SOAS	"	SPKS	16 Ogos	4.30 ptg.	Pgn. Md. Badar	Wakil LETRIK	Wakil MPMB
MPMB	"	LETRIK	"	4.55 ptg.	Ak. Daud	" SOAS	" SPKS
KUBU	"	PULIS	"	5.20 ptg.	Cpl. Yusof	" BOMBA	" PERUBATAN
BOMBA	"	PERUBATAN	"	5.45 ptg.	Cpl. Norshah	" BAKTI	" AMB
AMB	"	BAKTI	"	6.10 ptg.	Latif H.I.	" PULIS	" KUBU

PASOKAN "B"

PASOKAN	MELAWAN	PASOKAN	TARIKH	MASA	PENGADIL	PENJAGA TERAS	PENJAGA G. TEPI
SPKS	"	BAKTI	7 Ogos	4.30 ptg.	Sharbini M.T.	Wakil SOAS	Wakil PGGMB
PGGMB	"	SOAS	"	4.55 ptg.	Daud Ismail	" SPKS	" BAKTI
PERUBATAN	"	AMB	"	5.20 ptg.	Ahmad H.Y.	" PULIS	" KUBU
IPLB	"	MPMB	"	5.45 ptg.	Ak. Kamaludin P.B.	" AMB	" PERUBATAN
PULIS	"	KUBU	"	6.10 ptg.	Ahmad M.B.	" IPLB	" MPMB
SRJIP	"	SPKS	8 Ogos	4.30 ptg.	Sharbini M.T.	Wakil BOMBA	Wakil LETRIK
BOMBA	"	LETRIK	"	4.55 ptg.	Ak. Kamaludin P.B.	" SRJIP	" SPKS
BAKTI	"	AMB	"	5.20 ptg.	M. Zain Ghani	" PGGMB	" MPMB
PGGMB	"	MPMB	"	5.45 ptg.	Pulau Teruddin	" BAKTI	" AMB
SOAS	"	IPLB	9 Ogos	4.30 ptg.	Sharbini M.T.	Wakil PERUBATAN	Wakil KUBU
PERUBATAN	"	KUBU	"	4.55 ptg.	Ahmad M.B.	" SOAS	" IPLB
SRJIP	"	LETRIK	"	5.20 ptg.	Daud Ismail	" AMB	" PULIS
BOMBA	"	BAKTI	"	5.45 ptg.	Ak. Kamaludin P.B.	" SRJIP	" LETRIK
AMB	"	PULIS	"	6.10 ptg.	Ahmad H.Y.	" BOMBA	" BAKTI
SPKS	"	PGGMB	13 Ogos	4.30 ptg.	Ahmad H.Y.	Wakil SOAS	Wakil KUBU
SOAS	"	KUBU	"	4.55 ptg.	Emran M.H.	" SPKS	" PGGMB
BOMBA	"	MPMB	"	5.20 ptg.	Sharbini M.T.	" PERUBATAN	" PULIS
PERUBATAN	"	PULIS	"	5.45 ptg.	Ak. Kamaludin P.B.	" BOMBA	" MPMB
SOAS	"	PULIS	14 Ogos	4.30 ptg.	Hadi Kamis	Wakil SRJIP	Wakil BAKTI
SRJIP	"	BAKTI	"	4.55 ptg.	Pulau Teruddin	" SOAS	" PULIS
PGGMB	"	IPLB	"	5.20 ptg.	Ahmad M.B.	" AMB	" BOMBA
AMB	"	MPMB	"	5.45 ptg.	M. Zain Ghani	" PGGMB	" IPLB
LETRIK	"	BOMBA	"	6.10 ptg.	Emran Md. Hassan	" SPKS	" MPMB
PERUBATAN	"	IPLB	15 Ogos	4.30 ptg.	Sharbini M.T.	Wakil PERUBATAN	Wakil PGGMB
KUBU	"	PGGMB	"	4.55 ptg.	Ak. Kamaludin P.B.	" LETRIK	" IPLB
SRJIP	"	MPMB	"	5.20 ptg.	Pulau Teruddin	" SRJIP	" AMB
SPKS	"	AMB	"	5.45 ptg.	Ahmad H.Y.	" KUBU	" MPMB
LETRIK	"	BOMBA	16 Ogos	4.30 ptg.	M. Daud Ismail	Wakil LETRIK	Wakil PGGMB
PERUBATAN	"	PGGMB	"	4.55 ptg.	Takong M.S.	" SPKS	" BOMBA
KUBU	"	SOAS	"	5.20 ptg.	Ahmad M.B.	" AMB	" IPLB
SRJIP	"	SRJIP	"	5.45 ptg.	Ak. Kamaludin P.B.	" BAKTI	" SOAS
AMB	"	IPLB	"	6.10 ptg.	Pulau Teruddin	" PERUBATAN	" SRJIP

BERKHIDMAT-LAH DENGAN ASKAR MELAYU BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Pengambilan orang2 baharu untuk berkhidmat sebagai Perajurit2 dalam Askar Melayu Brunei akan melawat ka-kampung2 yang besar dari Muara ka-Tutong dalam bulan Ogos ini.

Pemuda2 yang suka berkhidmat dalam Askar Melayu Brunei, boleh-lah mendapat butir2 yang penuh berkenaan dengan tempoh

dan syarat2 perkhidmatan dari-pada Pasokan Pengambilan orang2 baharu itu.

Sharat2 yang mustahak sekali bagi perkhidmatan tersebut :

★ Sa-orang pemohon mestilah berumur di-antara 18 dan 25 tahun.

★ Sa-orang pemohon hen-

dak-lah mempunyai darjah kelulusan yang baik dan ra'ayat Brunei yang beragama Islam.

Rombongan tersebut telah melawat ka-Daerah Temburong pada hari2 Isnin dan Selasa yang lalu.

Rombongan itu akan berada di-Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin Muara pada hari

ini mulai dari pukul 4 petang.

Esok pula mulai dari pukul 10 pagi rombongan tersebut akan berada di-Sekolah Melayu Deli-

ma Satu, Berakas. Pancharagam Askar Melayu Brunei akan mempersembahkan bunyi2an pada masa lawatan rombongan tersebut ka-tempat2 yang berkenaan dalam Negeri Brunei.



Gambar kiri: Pemain2 Pasokan Murid2 Perempuan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam bergambar dengan beberapa orang yang lain selepas pasokan itu berjaya merobutkan gelaran kejohanan Perlawanan Hoki antara Pasokan2 Perempuan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei baharu2 ini. Gambar kanan: Gambar ini di-ambil sa-belum di-langsungkan Perlawanan Akhir Hoki antara murid2 lelaki Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei di-padang Sekolah Melayu S.M.J.A. pada petang 16 Julai, 1964 di-antara Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei dengan Pasokan S.M.A.T., Kuala Belait. Siapakah yang menang dalam peraduan itu? Sila-lah baca berita di-bawah ini.

PERLAWANAN HOKI SA-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei telah berjaya memenangi Perlawanan Hoki Kejohanan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei, Bahagian2 Murid2 Lelaki dan Perempuan.

M.P.M.B. Menang Perlawanan S. R. Jaring

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei telah mengalahkan Pasokan Brunei I dalam Perlawanan Akhir Sepak Raga Jaring anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-Bandar Brunei pada petang 25 Julai dengan 15-6 dan 15-2 mata.

Dalam perlawanan sapa-rah akhir, Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei telah mengalahkan Pasokan Brunei II dengan 15-0 dan 15-5 mata.

Naib Yang Dipertua, Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Awang Mohamad Yusuf Tahir telah menyampaikan Perisai Rebutan Tahunan yang di-hadiahkan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei kepada pemenang perlawanan itu dan juga piala2 perak kepada pemain2 pasokan yang menjadi johan dan naib johan perlawanan sepak raga jaring itu.

Perlawanan Hoki tersebut Bahagian Murid2 Lelaki telah diadakan di-Padang Sekolah Melayu S.M.J.A. pada petang 16 Julai.

Dalam perlawanan tersebut, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam telah mengalahkan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin dengan 3 gol tidak berbalas.

Awangku Momin bin Peniran Ahmad, Sulaiman Ahmad dan Said Ahmad telah menjaringkan satu gol sa-saorang bagi pehak Sekolah Melayu S.M.J.A.

Pada sa-paroh masa pertengahan pertama Sekolah Melayu S.M.J.A. mendapat satu gol. Dua gol lagi telah di-dapati oleh Sekolah Melayu S.M.J.A. pada masa pertengahan yang kedua.

Maka dengan kemenangannya itu, Sekolah Melayu S.M.J.A. telah memperolehi Perisai Rebutan yang di-hadiahkan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Momin bin Pengiran Othman.

Perisai Rebutan tersebut telah di-menangi oleh Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait pada tahun 1963.

Yang Mulia Pengiran Haji Metussin bin Pengiran Piut telah menyampaikan hadiah2 sa-baik sahaja selesai perlawanan itu.

SEKOLAH2 MELAYU

MURID2 PEREMPUAN

Dalam perlawanan akhir hoki tersebut, Bahagian Murid2 Perempuan Sekolah Melayu S.M.J.A. telah mengalahkan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin dengan 1 gol tidak berbalas.

Perlawanan tersebut telah diadakan di-Padang Sekolah Melayu S.M.J.A. pada petang 19 Julai.

Gol yang membawa kemenangan kepada Sekolah Melayu S.M.J.A. dalam perlawanan tersebut telah di-jaringkan oleh Da-angku Basrah binti Pengiran Ahmad pada sa-paroh masa per-

tengahan yang pertama.

Di-antara ramai para hadirin yang menyaksikan perlawanan tersebut ia-lah Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan isteri beliau Yang Mulia Datin Hajjah Salmah.

Yang Mulia Datin Hajjah Salmah telah menyampaikan Perisai Rebutan yang beliau sendiri telah menghadiahkan kepada Pasokan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam dan juga hadiah2 yang lain kepada pemain2 kedua2 pasokan.

BULU TANGKIS:

Pasokan Tengku Pg. Mengalahkan P.K.M.S.

BANDAR BRUNEI. — Satu perlawanan bulu tangkis sechara persahabatan di-antara Pasokan Tengku Pengiran dengan Pasokan Kelab Melayu Shell, Seria telah di-adakan di-Gelanggang Bulu Tangkis, Pusat Tahanan Berakas pada malam 25 Julai yang lalu.

Dalam perlawanan tersebut Pasokan Tengku Pengiran telah mengalahkan Pasokan Kelab Melayu Shell dengan 7 permainan berbalas 2 permainan.

Perlawanan tersebut mengandungi 5 permainan bergu dan 4 permainan sa-saorang. Keputusan-nya ada-lah seperti berikut:

BERGU

Chegu Awang Suhaili Lani dan Awang Abdul Aziz (Pasokan Tengku Pengiran) mengalahkan Awang Mohd. Noor dan Awang Masri Abon (Pasokan Kelab Melayu Shell) dengan 15-7 dan 15-5 mata.

Chegu Awang Ibrahim Abdullah dan Awang Shamsuddin Abdullah (P.T.P.) mengalahkan Awang Harry Yaman dan Awang Haji Abdul Rahman (P.K.M.S.) dengan 15-11 dan 18-14 mata.

Tengku Pengiran dan Awang Ang Han Chai (P.T.P.) mengalahkan Awang Ismail Balak dan Awang Dura Osman (P.K.M.S.) dengan 15-3 dan 15-4 mata.

Awang Mohd. Noor dan Awang Washul Fallah (P.T.P.) mengalahkan Awang Ghafar Ali dan Awang Julaihi (P.K.M.S.) dengan 15-9, 11-15 dan 18-13 mata.

Awang Ismail Metani dan Awang Alwi Ismail (P.K.M.S.) mengalahkan Awang Leong Soon Chong dan Awang M.C.

Besar dengan 15-9 dan 18-13 mata.

PERSA-ORANGAN

Awang Harry Yaman (P.K.M.S.) mengalahkan Awang Dollah (P.T.P.) dengan 8-15, 15-12 dan 15-10 mata.

Awang Ang Han Chai (P.T.P.) mengalahkan Awang Alwi Ismail (P.T.P.) dengan 2-15, 15-10 dan 15-9 mata.

Awang Shamsuddin Abdullah (P.T.P.) mengalahkan Awang Ismail Metani (P.K.M.S.) dengan 15-5 dan 15-5 mata.

Awang Leong Soon Chong (P.T.P.) mengalahkan Raja Mushahar (P.K.M.S.) dengan 15-3 dan 15-4 mata.

Dalam perlawanan bulutangkis sechara persahabatan di-antara Pasokan Tengku Pengiran dengan Pasokan Kelab Melayu Shell yang telah di-langsungkan di-Seria pada 19 Jun, 1964, Pasokan Tengku Pengiran telah mengalahkan Pasokan Kelab Melayu Shell dengan 5 permainan berbalas 4 permainan.

Perlawanan yang telah di-adakan pada 25 Julai ia-lah sebagai "Return Match" di-antara kedua2 pasokan2 tersebut.



Gambar ramai ini di-ambil sa-belum di-langsungkan Perlawanan Sepak Raga Jaring anjoran P.G.G.M.B. di-Bandar Brunei pada petang 25 Julai, 1964.

BANCHI PERTANIAN NEGERI BRUNEI TAHUN 1964

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei sekarang sedang bersedia untuk menjalankan Banchi Pertanian Tahun 1964 yang julong2 kali-nya akan di-adakan di-Brunei. Demikian menurut satu pengumuman yang di-terbitkan oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim baharu2 ini.

Banchi Pertanian ini ia-lah suatu penyiasatan di-seluruh negeri yang bertujuan untuk mengutip ma'lumat2 penting dan mustahak mengenai pertanian, seperti bahan2 mengenai penduduk2 yang bertani, tanah dan penggunaan-an-nya, keluasan dan hasil2 dari berbagai2 jenis hasil2 tanaman, bilangan2 jenis binatang2 ternakan dan ayam itek, keterangan mengenai pengelolaan ladang dan lain2-nya.

Sebarang bahan yang di-perolehi dari banchi ini akan di-gunakan sebagai suatu asas yang tegoh bagi pembentokkan rancangan2 untuk menambahkan hasil2 pertanian, meluaskan kemajuan sosial di-kawasan2 luar bandar dan bagi mempertingkatkan ekonomi kebajikan awam bagi ra'ayat Brunei.

Menurut pengumuman tersebut selanjut-nya, untuk mengutip keterangan yang di-perlukan itu, Kerajaan Brunei akan menghantar guru2 sekolah sebagai pembanchi2 ka-tiap2 rumah yang mengusahakan hasil2 pertanian, binatang ternakan atau ayam itek.

Oleh kerana tujuan banchi pertanian itu ia-lah untuk mendapatkan sepenoh2 ma'lumat yang boleh mengenai hasil2 dan unsur2 pertanian, maka sabilangan keluarga yang mata-pencariannya hanya sa-bahagian sahaja dari bertani tetapi pada hakikat-nya dari pekerjaan2 lain dari bertani, akan di-masokkan dalam banchi ini.


Pembanchi2 itu akan mulai melawat semua keluarga tani dari 27 Ogos hingga 5 September yang akan datang ini.

Dengan sebab itu, Kerajaan menyeru semua keluarga tani di dalam negeri ini agar menerima petemu2-duga ("interviewers") itu dan menjawab segala pertanyaan2 mereka dengan jujur.

Kerajaan akan bertanggungjawab menyimpan semua ma'lumat2 yang di-berikan itu benar2 sechra sulit.

Pengumuman tersebut seterusnya berkata bahawa hanya dengan melalui kerjasama dari penduduk2 sekali dengan pehak Kerajaan sahaja-lah, maka Banchi Pertanian Tahun 1964 di-Brunei ini boleh berjaya dan akan mendatangkan faedah bagi semua orang yang terlibat dalam pertanian, begitu juga bagi negeri ini keseluruhan-nya.

Oleh itu, maka Kerajaan meminta bantuan dan kerjasama yang sepenoh2-nya dari tiap2 keluarga tani untuk memberikan pertolongan supaya Banchi Pertanian di-Brunei yang pertama kali-nya ini sesungguh-nya akan mendapat kejayaan.



REBUT-LAH PELUANG INI JUAL MURAH HARGA-NYA \$90 SAHAJA

JABATAN Penyiaran dan Penerangan, Brunei akan menjual peti2 radio kepada penduduk2 di-kawasan2 yang jauh dari Bandar Brunei, Pekan2 Belait, Tutong dan Temburong dengan bayaran beransor pada sa-tiap bulan sebagai mana yang telah di-jalankan dalam tahun 1958.

Peti2 radio yang akan di-jual itu ia-lah jenis TELEFUNKEN. Tiap2 buah peti radio itu, seperti di-siarkan di-atas, menggunakan 6 biji batteri picit. Batteri2 itu boleh tahan di-gunakan selama 500 jam.

Harga tiap2 buah peti radio itu ia-lah \$90 dan bayaran beransor ia-lah \$7.50 pada tiap2 bulan. Ukuran-nya ia-lah 11 $\frac{1}{2}$ " x 6 $\frac{1}{2}$ " x 5 $\frac{1}{2}$ " atau 300 x 163 x 140 mm. Berat-nya ia-lah 5.3 paun.

Borang2 permohonan membeli peti2 radio tersebut boleh-lah dapat dari Bilek2 Bachaan, Jabatan Penyiaran dan Penerangan di-Bandar Brunei, Tutong, Belait dan Temburong mulai dari 10 Ogos, 1964.

Seruan D.Y.M.M. Kapada Ra'ayat Brunei

(DARI MUKA 1)

di-mulai dengan tembakan mariam sa-banyak 6 das dan di-akhiri dengan tembakan mariam sa-banyak 6 das juga.

MAULUD DI-TUTONG

Sementara itu ramai penduduk2 di-Daerah Tutong telah mengambil bahagian dalam satu perarakan di-Pekan Tutong pada petang 24 Julai bagi menyambut Maulud Nabi Muhammad s.a.w.

Pasokan Pancharagam Askar Melayu Brunei juga, sebagaimana di-Bandar Brunei, telah mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.

Sa-baik sahaja selesai perarakan itu, satu perjumpaan telah di-adakan di-jalan raya berhadapan bangunan Pejabat2 Kerajaan Tutong.

Pengerusi Sambutan Maulud di-Daerah Tutong, Yang Mulia Awang Abdul Ghani bin Hassan telah melafadzkan ucapan pembukaan dan sharahan2 telah di-lafdzkan oleh Kadi Daerah Tutong, Yang Dimuliakan Begawan Khatib Haji Me-

tali dan Ustazah Armah binti Md. Akip.

Ucapan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin yang juga menjadi Pengerusi Sambutan Maulud Sa-Negeri Brunei telah di-sampaikan oleh Pemereksa Sekolah2 Ugama Daerah Tutong, Yang Mulia Awang Mahalee bin Haji Abdullah.

Pada petang 31 Julai pula, satu perarakan dan perjumpaan bagi memperingati Hari Lahir-nya Nabi Muhammad s.a.w. telah di-adakan di-Kampung Luagan Dudok, Batu

23 Jalan Tutong.

Sambutan itu telah di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Melayu Luagan Dudok.

Sharahan2 telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Mufti Kerajaan Brunei, Sahibul Fadhlilil Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz dan oleh Guru Besar Sekolah Ugama Sinaut, Ustaz Md. Yusof Azam.

Majlis itu di-akhiri dengan ucapan penutup oleh Setia Usaha Sambutan perjumpaan, Awang Zailli bin Mohammad Yusof dan bachean Do'a Selamat oleh Imam Masjid Sinaut, Awang Haji Mohammad.

Keputusan Perarakan Maulud

KUALA BELAIT.—Keputusan Perarakan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. di-Kuala Belait pada petang hari Ahad yang lalu ada-lah seperti berikut:

Bahagian Kelas2 Dewasa/Jabatan2 Kerajaan/Kelab2 dan Pasokan2 Orang Ramai: Johan—Pasokan Pulis Daerah Belait. Naib Johan—Kelas Dewasa Ugama Lelaki, Setia (A), Pemenang Ketiga—Kelas Dewasa Ugama Lelaki, Kuala Belait. Pemenang Ke-empat—Pasokan Jabatan Letrik dan Kerja Raya, Kuala Belait.

Bahagian Kelas2 Dewasa Ugama Perempuan: Johan—Kelas Dewasa Ugama, Setia (B). Naib Johan—Kelas Dewasa Ugama, Kuala Belait (B). Pemenang Ke-tiga—Kelas Dewasa Ugama, Setia (A).

Bahagian Murid2 Sekolah: Johan—Sekolah Ugama Muhammad Alam—Perempuan (A)—Seria. Naib Johan—Sekolah Ugama Anthony Abell—Perempuan—Seria. Pemenang Ketiga—Sekolah Ugama Ahmad Tajuddin (Perempuan), Kuala Belait. Pemenang Ke-empat—Sekolah Ugama Muhammad Alam—Perempuan (B) Setia.

Pasokan Hadzrah: Johan—Pasokan Hadzrah Kampong Sungai Liang. (Hanya satu pasokan hadzrah sahaja yang mengambil bahagian).

Pasokan yang terbaik sekali: Pasokan Pulis Daerah Belait.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Kadi Daerah Belait Yang Mulia Begawan Mudim Haji Adnan.

PEMBUKAAN S. M. SENUKOH

KAMPONG SENUKOH.—Pegawai Daerah Temburong, Pengiran Syed Shahminan akan merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Senukoh Temburong pada pagi hari Sabtu 8 Ogos, 1964.

Berbagai2 acara akan di-adakan di-Sekolah Melayu Senukoh mulai

dari malam 7 Ogos hingga ka-jam menyising 9 Ogos sebagai menyambut pembukaan rasmi sekolah itu. Di-antara acara2 itu ia-lah pertunjukan wayang gambar oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei pada malam 7 Ogos, Sokan pada petang 8 Ogos, Mukun pada malam 8 Ogos.



Pesuruh Jaya Pengakap Bahagian Luar untuk kawasan Tenggara Asia, Awang Abdul Kadir bin Tambi Kechil (kiri) bergambar dengan Pesuruh Jaya Penasihat Pengakap Negeri Brunei, Awang G.W. Stevens (kanan) pada masa lawatan Awang Abdul Kadir ke-Brunei baharu2 ini. Pada masa lawatan itu, Awang Abdul Kadir telah melawat ka-beberapa tempat dan di-ra'ikan di-beberapa majlis oleh Pegawai2 dan Pengakap2 tempatan.